

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 19/10 / 2008

BN lemah jika gagal tangani permintaan komponen – Dr. M

PUTRAJAYA 18 Okt. – Barisan Nasional (BN) boleh menjadi lemah jika gagal menangani secara bijak permintaan parti-parti komponen termasuk berkaitan mewujudkan satu lagi jawatan Timbalan Pengerusi seperti diminta Pemuda MCA.

Bekas Pengerusi BN, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebagai parti gabungan, kekuatan BN bergantung kepada sokongan daripada semua pihak untuk terus berkuasa dan memerintah negara ini.

“Kalau kita layan satu kaum, maka kaum lain dalam BN pula rasa tidak puas hati dan keadaan itu menyebabkan BN masih tidak kuat juga,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramahnya di Persidangan Kepimpinan Antarabangsa anjuran Global Peace Festival di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, BN tidak boleh silap dalam membuat keputusan berhubung perkara itu apatah lagi dalam keadaan hendak menarik balik

um- 19/10/2008
sokongan rakyat kepada gabungan itu.

“Kalau ada sebarang cadangan, haruslah kita fikir secara mendalam iaitu adakah benar ia dapat tarik sokongan kaum Cina atau mengurangkan sokongan orang Melayu atau lain-lain kaum.

“Ada sesuatu isu yang tidak seharusnya diperkatakan secara terbuka kerana ia akan menjadi tidak rasional dan lebih kepada emosi,” katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir ber-

setuju dengan gesaan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya tempoh kempen selama empat bulan dipendekkan kepada sebulan.

Katanya, pemimpin UMNO dan parti komponen BN lain sepatutnya perlu memberi tumpuan kepada dua perkara yang cukup rumit iaitu krisis ekonomi dunia dan politik dalam negara.

“Ia memerlukan masa untuk menangani dua perkara rumit itu dan jika tidak cukup masa, BN sukar menarik balik sokongan itu,” katanya.